Farabi Ahmad bin Hj Mohd Amin @ Che Min lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — RAYUAN JENAYAH NO TA-42S-10–06 TAHUN 2019
ABDUL WAHAB H
1 JUN 2020

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara — Sama ada elemen pertuduhan gagal dibuktikan — Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan

Ini adalah rayuan oleh perayu ke atas keputusan mahkamah sesyen yang telah mensabitkan perayu bagi kesalahan di bawah s 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara. Pada 13 April 2017 jam lebih kurang 11.15 pagi, premis Raisya Medispa telah diserbu oleh pasukan daripada Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan pasukan daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Hasil serbuan tersebut mendapati beberapa produk yang dijumpai di dalam premis Raisya Medispa adalah tidak berdaftar dan tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, beberapa peralatan dan barang yang lazimnya digunakan dalam perkhidmatan klinik perubatan telah ditemui di premis Raisya Medispa tersebut. Peralatan-peralatan dan barang-barang tersebut telah dirampas dan menjadi perkara subjek di dalam kes rayuan ini. Perayu telah disaman dan dipertuduhkan di atas pertuduhan atas kesalahan menyediakan satu klinik perubatan swasta iaitu sebuah klinik perubatan yang memberikan perkhidmatan perubatan estetik tanpa pendaftaran sah oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di bawah s 27 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Perayu telah disabitkan dan oleh itu rayuan ini. Isu-isu untuk pertimbangan adalah: (a) sama ada elemen pertuduhan gagal dibuktikan; dan (b) sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Dengan adanya rampasan mesin dan peralatan perubatan termasuk beberapa peralatan dan ubatan yang mempunyai kesan telah digunakan

dari dalam premis tersebut dan disokong dengan wujudnya sepanduk iklan yang menyatakan bahawa Raisya Medispa ada memberikan rawatan-rawatan yang berkaitan dengan penggunaan mesin dan peralatan tersebut, maka elemen pertama telah berjaya dibuktikan terhadap perayu. Bagi elemen kedua, premis tersebut bukan suatu klinik perubatan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Apatah lagi, Raisya Medispa hanya didaftarkan dalam SSM menjalankan perniagaan medispa dan bukannya sebuah klinik perubatan. Sehubungan dengan itu kesemua elemen dalam pertuduhan telah berjaya dibuktikan ke atas perayu (lihat perenggan 27 & 29–30).

(2) Pembelaan yang dikemukakan oleh perayu hanya berbentuk penafian semata-mata dan difikirkan kemudian. Selain itu, keterangan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dan SD2 bercanggah antara satu sama lain melibatkan perkara-perkara yang penting dan crucial. Seterusnya, SD2 bukanlah saksi yang kredibel kerana dilihat telah memberi keterangan yang berbolak balik dan berubah-ubah. Oleh itu, kredibiliti SD2 dan perayu telah terjejas yang memberi alasan kepada mahkamah untuk meragui keterangan SD2 dan perayu dan seterusnya menolak keterangan yang diberikan oleh mereka berdua. Lantaran itu, keterangan SD2 dan perayu adalah tidak boleh dipercayai. Hakim mahkamah sesyen terpelajar tidak tersalah arah apabila membuat keputusan menolak pembelaan perayu itu yang bersifat penafian semata-mata dan berupa difikirkan kemudian (lihat perenggan 33, 35 & 37–39).

(3) Hukuman denda RM100,000 yang diberikan adalah tidak keterlaluan beratnya dan masih dalam ruang lingkup hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan. Malah, hukuman tersebut juga tidak terlalu ringan mengambil kira kepentingan awam yang perlu diutamakan dalam menentukan sesuatu hukuman terhadap pesalah. Selain itu, sabitan ke atas perayu telah melalui satu perbicaraan penuh yang mana keseluruhan prosiding memakan masa yang agak lama iaitu melebihi 1 1/2 tahun. Justeru itu, perayu tidak layak untuk menikmati diskaun yang dibenarkan oleh undang-undang jika perayu mengaku bersalah. Suatu hukuman berbentuk pengajaran wajar dikenakan kepada perayu bagi memberi peringatan kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang serupa dan juga supaya perayu tidak akan mengulangi lagi kesalahan tersebut di masa hadapan (lihat perenggan 46–48).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the sessions court decision which had convicted the appellant for an offense under s 4(1) of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 and fined RM100,000 in default 12 months imprisonment. On 13 April 2017 at approximately 11.15am, Raisya Medispa premises was raided by a team from the Private Medical Practice Control Unit, Terengganu State Health Department and a team from

the Pharmacy Enforcement Division, Terengganu State Health Department. The results of the raid found that some products found in Raisya Medispa's premise were unregistered and the Ministry of Health Malaysia was not notified of it. In addition, some equipment and items that were commonly used in medical clinic services had been found at Raisya Medispa's premise. The equipment and items had been confiscated and became a subject matter in this appeal case. The appellant had been summoned and charged with the offense of providing a private medical clinic which was a medical clinic providing aesthetic medical services without legal registration by the Director General of Health Malaysia under s 27 of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998. The appellant had been convicted and hence this appeal. The issues for consideration were: (a) whether the element of charge failed to be proven; and (b) whether the defence succeeded in raising reasonable doubt on the prosecution's case.

Held, dismissing the appeal:

(1) With the confiscation of medical machines and equipment including some equipment and medicines that had in fact had been used from within the premises and supported by the existence of advertising banners stating that Raisya Medispa had provided treatments related to the use of such machines and equipment, then the first element had been successfully proved against the appellant. For the second element, the premise was not a private medical clinic registered with the Ministry of Health Malaysia. In addition, Raisya Medispa was only registered in SSM to run a medispa business and not a medical clinic. Accordingly, all elements in the charge had been successfully proved against the appellant (see paras 27 & 29–30).

(2) The defence presented by the appellant was merely in the form of a mere denial and was an afterthought. Moreover, the defence evidence presented by the appellant and SD2 contradicted each other involving important and crucial matters. Next, SD2 was not a credible witness as it was seen to have given fluctuating evidence. Therefore, the credibility of SD2 and the appellant had been compromised which gave the court a reason to doubt the evidence of SD2 and the appellant and subsequently rejected the evidence given by both of them. Therefore, the evidence of SD2 and the appellant was unreliable. There was no misdirection by the learned sessions court judge in deciding to reject the appellant's defence which was a mere denial and in the form of afterthought (see paras 33, 35 & 37–39).

(3) The RM100,000 fine imposed was not excessive and was still within the scope of the punishment allowed by the relevant laws. In fact, the punishment was not too light considering the public interest that should be given priority in determining a punishment for the offender. In

addition, the conviction of the appellant had gone through a full trial where the whole proceedings took quite a long time which was more than 1 1/2 years. Therefore, the appellant was not entitled to enjoy the discount allowed by law if the appellant pleaded guilty. A punishment in the form of proper lesson should be imposed on the appellant to warn others not to commit similar offenses and also so that the appellant would not repeat the offense in the future (see paras 46–48).]

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, MP (dirujuk)
Chia Han Kiat v Rex [1937] 1 MLJ 261 (dirujuk)
Chu Tak Fai v PP [2007] 1 MLJ 201; [2006] 4 CLJ 931, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, MP (diikut)
Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, MR (dirujuk)
Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohamed bin Kasdi v PP [1969] 1 MLJ 135 (dirujuk)
PP v Abang Abdul Rahman [1982] 1 MLJ 346; [1981] 1 LNS 169 (dirujuk)
PP v Nguyen Thi Huong [2014] MLJU 1917; [2015] 2 CLJ 102, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 LNS 28 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443, MR (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, MR (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164 (dirujuk)
Tan Chow Soo v Ratna Ammal [1969] 2 MLJ 49; [1967] 1 LNS 178, PC (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ss 2, 4, 4(1), 5(1)(a)(i), 27

(Ghazali Ismail & Co) bagi pihak perayu.
(Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan Malaysia) bagi pihak responden.

Abdul Wahab H:

LATAR BELAKANG

[1] Farabi Ahmad bin Hj Mohd Amin @ Che Min yang merupakan perayu ('perayu') telah membuat rayuan ke atas keputusan Mahkamah Sesyen Kuala

Terengganu yang telah mensabitkan perayu bagi kesalahan di bawah s 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara. Selain itu, hakim mahkamah sesyen terpelajar ('HMS') juga telah memerintahkan supaya mesin-mesin yang telah dirampas dan dikemukakan ke mahkamah iaitu ekshs P3, P15, P16A & B dan P17 diserahkan semula kepada pemilik yang sebenar. Pihak pendakwa raya ('responden') yang juga tidak berpuas hati terhadap perintah penyerahan barang-barang kes tersebut oleh HMS turut membuat rayuan silang terhadap perintah tersebut.

[2] Mahkamah ini telah mendengar rayuan perayu dan responden pada 20 Februari 2020 dan setelah meneliti rekod rayuan serta memberi pertimbangan ke atas hujahan-hujahan perayu dan pihak responden, mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dan responden sekaligus mengekalkan keputusan sabitan dan hukuman. Perintah penyerahan barang ekshs P3, P15, P16A dan B dan P17 juga turut dikekalkan. Tidak berpuas hati ke atas keputusan mahkamah ini, perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, pihak responden pula tidak membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan berhubung perintah penyerahan ekshibit itu. Oleh itu, dalam alasan penghakiman ini saya tidak akan menyentuh berkenaan perintah penyerahan semula ekshibit tersebut.

[3] Pertuduhan ke atas perayu berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu Farabi Ahmad Bin Hj Mohd Amin @ Che Min, No. K/P: 880115-115683, pada tarikh 13 April 2017 jam lebih kurang 11.15 pagi di premis Raisya Medispa di Lot PT 18092 (1st floor), Jalan Besar Sura Gate, Kompleks Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun, dalam negeri Terengganu telah didapati menyediakan satu klinik perubatan swasta, tanpa pendaftaran sah oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di bawah seksyen 27 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta [Akta 586] yang mana premis tersebut didapati menyediakan amalan perubatan estetik, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta [Akta 586] dan oleh itu kamu boleh dihukum di bawah subperenggan 5(1)(a)(i) Akta yang sama.

FAKTA RINGKAS PENDAKWAAN

[4] Pada 13 April 2017 jam lebih kurang 11.15 pagi, premis Raisya Medispa yang beralamat di Lot PT 18092 (1st Floor), Jalan Besar Sura Gate, Kompleks Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun, Kuala Terengganu, Terengganu telah diserbu oleh pasukan daripada Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan pasukan daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.

[5] Hasil serbuan tersebut mendapati beberapa produk yang dijumpai di dalam premis Raisya Medispa adalah tidak berdaftar dan tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Produk-produk itu seterusnya telah dirampas oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan menjadi perkara subjek bagi satu prosiding lain di Mahkamah Majistret Dungun, Terengganu.

[6] Selain itu, beberapa peralatan dan barang yang lazimnya digunakan dalam perkhidmatan klinik perubatan telah ditemui di premis Raisya Medispa tersebut seperti mesin MPCN Centrifuge (eksh P3), mesin Plasma Rich Platlet (eksh P15), mesin diamond dermabrasion dan mesin ultrasound (eksh P16A dan B), mesin Cool and Hot Facial Atomizer (eksh P17), drip stand (eksh P18), 1 kotak Venofix (eksh P8A), 1 kotak Branula (eksh P8C), jarum yang diisi dalam dua beg plastik (eksh P8B), jarum yang berada dalam kotak (eksh P14), jarum bersama syringe (eksh P9C dan P10A) dan tiga ampule Lignocaine, dua ampule Shincort dan satu ampule Mesowhite (eksh P9E). Peralatan-peralatan dan barang-barang tersebut telah dirampas oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan menjadi perkara subjek di dalam kes rayuan yang dibawa ke Mahkamah Tinggi ini.

[7] Pasukan serbuan turut menemui ubat-ubatan, *syringe* (picagari) dan jarum suntikan yang telah digunakan sebagaimana gambar-gambar eksh P1 yang dikemukakan. Dalam gambar P1(33) terdapat botol ubat-ubatan yang terbuka tudungnya dan dalam gambar P1(38) terdapat picagari yang ada kesan darah pada hujung jarumnya.

[8] Hasil semakan dan siasatan mendapati premis Raisya Medispa tidak pernah mempunyai perakuan pendaftaran, perakuan kelulusan dan/atau lesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta 586 dan pemilik Raisya Medispa iaitu perayu tidak mempunyai sebarang pendaftaran dengan Majlis Perubatan Malaysia.

[9] Perayu telah disaman dan dipertuduhkan di atas pertuduhan di bawah sub-s 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu atas kesalahan menyediakan satu klinik perubatan swasta iaitu sebuah klinik perubatan yang memberikan perkhidmatan perubatan estetik tanpa pendaftaran sah oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di bawah s 27 Akta 586.

KES PEMBELAAN

[10] Perayu dalam keterangannya mengakui bahawa beliau adalah pemilik berdaftar kepada Raisya Medispa yang menjalankan perniagaan pusat

kecantikan. Isterinya pula iaitu SD2 adalah seorang doktor yang memiliki dan mengendalikan Klinik Raihana iaitu klinik perubatan yang berada di tingkat bawah kepada premis Raisya Medispa.

[11] Menurut perayu, mesin-mesin dan peralatan yang dirampas dan dikemukakan di mahkamah adalah mesin-mesin dan peralatan kepunyaan klinik Raihana dan tidak digunakan oleh Raisya Medispa. Mesin-mesin dan peralatan tersebut terpaksa disimpan di dalam Raisya Medispa kerana ruang dalam klinik Raihana penuh dengan barang-barang klinik. Perayu tidak tahu kegunaan mesin-mesin dan peralatan itu dan ianya tidak pernah digunakan oleh Raisya Medispa. Perayu juga tidak mengetahui berkenaan rawatan perubatan estetika. Raisya Medispa hanya menjalankan servis mencuci muka sahaja yang dilakukan oleh dua pekerjanya.

[12] Rawatan-rawatan yang dinyatakan pada *banner* adalah dilakukan oleh SD2 yang mengambil kursus bahagian kecantikan. Jika pelanggan meminta dijalankan rawatan-rawatan tersebut, SD2 yang akan menjalankan rawatan tersebut.

ISU YANG DIKETENGAHKAN OLEH PERAYU DALAM RAYUAN

[13] Terdapat beberapa isu telah dibangkitkan oleh pihak perayu dalam rayuannya. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya saya menyimpulkan sebagaimana berikut:

(a) elemen pertuduhan gagal dibuktikan kerana Raisya Medispa tidak menyediakan klinik perubatan swasta; dan

(b) sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN

[14] Prinsip asas dalam memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan adalah mahkamah yang mendengar dan memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan perlu berhati-hati dan sukar membuat perubahan ke atas keputusan berdasarkan fakta yang dibuat oleh mahkamah yang menjalankan perbicaraan penuh. Dalam kes *Chia Han Kiat v Rex* [1937] 1 MLJ 261, telah diputuskan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan seharusnya tidak masuk campur terhadap keputusan hakim perbicaraan yang mempunyai kelebihan untuk melihat tingkah laku saksi-saksi semasa memberi keterangan. Dalam masa yang sama, Lord Diplock berucap dalam kes *Tan Chow Soo v Ratna Ammal* [1969] 2 MLJ 49; [1967] 1 LNS 178 seperti berikut:

> ... An appellate court, particularly where there is no full transcript of the oral evidence, is in a far less advantageous position to decide an issue of credibility than

the trial judge who heard the evidence in full and observed the witnesses as they gave it, noting their pauses and their hesitations and any visible signs of confidence or embarrassment.

[15] Dalam situasi tertentu, mahkamah yang mendengar rayuan boleh campur tangan atau mengubah keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang menjalankan perbicaraan sekiranya keputusan yang dibuat berdasarkan anggapan atau andaian yang mana Tan Chiaw Thong J telah memberikan panduan yang boleh diikuti dalam kes *Public Prosecutor v Abang Abdul Rahman* [1982] 1 MLJ 346; [1981] 1 LNS 169 seperti berikut:

The learned trial magistrate in his judgment gave no indication that he disbelieved PW5 and PW6, and he made no finding of fact on the material disputed matters referred to above. Certainly, he compared the respective testimonies off PW5 and PW6, and the respondent and, because 'PW6 under cross-examination admitted that anything in English is dealt with by his employees' he found that 'This court can see no way in which PW5 can accept the cheque as settlement of the accused's debt'. The learned trial magistrate did not say in his judgment that he disbelieved PW5 and PW6. As seems to be the case the basis of this finding was the drawing of inferences from the relevant evidence in the trial. However, for the reasons already given, this basis is not legally sound, and an appellate court can certainly interfere with this finding based on inferences. Even of matters of fact, an appellate court can interfere in appropriate cases, but such cases are not common and an appellate court, before reaching its conclusion upon matters of fact, should and will always give proper weight and consideration to such matters as (1) the view a of the trial judge as to be credibility of the witnesses; (2) the presumption of innocence in favour of the accused, a presumption certainly not weakened by the fact that he has been acquitted at his trial; (3) the right of the accused to the benefit of any doubt; and (4) the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact arrived at by a judge who had the advantage of seeing the witnesses.

[16] Berasaskan kepada prinsip undang-undang ini, adalah penting untuk saya memberi pertimbangan semula ke atas alasan-alasan keputusan yang telah dibuat oleh HMS ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan ini.

ELEMEN PERTUDUHAN GAGAL DIBUKTIKAN KERANA RAISYA MEDISPA TIDAK MENYEDIAKAN KLINIK PERUBATAN SWASTA

[17] Peguam perayu dalam penghujahannya mengatakan bahawa elemen dalam pertuduhan iaitu perayu menyediakan klinik perubatan swasta telah gagal dibuktikan kerana semasa serbuan, tiada pesakit yang menerima rawatan berada di Raisya Medispa. Malah, tiada sebarang rekod pesakit didapati atau dirampas daripada pusat kecantikan tersebut. Raisya Medispa hanya didaftarkan sebagai sebuah spa kecantikan dan bukan sebagai sebuah klinik rawatan perubatan. Sebaliknya, terdapat sebuah klinik yang berada di bawah

premis Raisya Medispa iaitu Klinik Raihana yang menjalankan rawatan perubatan. Klinik itu pula adalah milik isteri perayu iaitu SD2.

[18] Bagi memberi pertimbangan terhadap isu yang telah dibangkitkan oleh perayu ini, eloklah saya meneliti undang-undang berkaitan yang mana s 4 Akta 586 telah memperuntukan seperti berikut:

> Section 4 Registration.
>
> (1) No person shall establish, maintain, operate or provide a private medical clinic or private dental clinic unless it is registered under section 27.
>
> (2) Notwithstanding subsection (1), a private medical clinic or private dental clinic which forms part of the premises of a licensed private healthcare facility and to which the clinic is organizationally, administratively and physically linked shall not be required to be registered separately but shall comply with such standards and requirements as may be prescribed.

[19] Berdasarkan kepada pertuduhan dan peruntukan undang-undang di atas, jelas kepada saya bahawa elemen-elemen yang perlu dibuktikan ke atas perayu ialah sebagaimana berikut:

(a) perayu telah menyediakan suatu klinik perubatan swasta; dan

(b) klinik perubatan swasta tersebut tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

[20] Apakah yang dimaksudkan dengan klinik perubatan swasta telah diberikan takrifan di bawah s 2 Akta 586 iaitu:

> 'private medical clinic' means any premises, other than a Government healthcare facility, *used or intended to be used for the practice of medicine on an outpatient basis including* —
>
> (a) the screening, diagnosis or treatment of any person suffering from, or believed to be suffering from, any disease, injury or disability of mind or body;
>
> (b) preventive or promotive healthcare services; and
>
> (c) the curing or alleviating of any abnormal condition of the human body by the application of any apparatus, equipment, instrument or device;

[21] Berdasarkan takrifan yang diberikan tersebut, pihak responden perlu menunjukkan kepada mahkamah bahawa perayu telah menyediakan suatu premis yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar bagi rawatan-rawatan yang dinyatakan dalam takrifan itu.

[22] Dalam hal ini, saya telah meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan dalam nota keterangan sebagaimana Jld 2(a) rekod rayuan serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan dan mendapati kesemua elemen utama dalam pertuduhan sebagaimana dinyatakan di atas telah berjaya dibuktikan ke atas perayu.

[23] Merujuk kepada elemen pertama, keterangan SP1 dan SP7 mengesahkan bahawa terdapat pelbagai mesin dan peralatan perubatan telah ditemui dan dirampas dari dalam premis Raisya Medispa iaitu barang-barang kes yang ditandakan sebagai ekshs P3, P5, P6, P8A, P8B, P8C, P9A, P9B, P9C, P9D, P9E, P10A, P11A, P11B, P13, P14, P15, P16A dan B, P17 dan P18. Menurut SP1 dan SP7, mesin dan peralatan perubatan yang dirampas tersebut adalah merupakan alat atau peranti perubatan yang lazimnya digunakan di klinik-klinik perubatan.

[24] Selain pengesahan daripada SP1 dan SP7, perkara tersebut turut disahkan oleh seorang saksi pakar iaitu SP6 yang mengatakan bahawa mesin dan peralatan yang dirampas itu adalah alat atau peranti perubatan yang digunakan oleh pengamal perubatan penjagaan kesihatan untuk kegunaan rawatan perubatan estetik. Mesin dan peralatan tersebut perlu dikendalikan oleh seorang pengamal perubatan di klinik rawatan estetik kerana penggunaannya boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada kulit termasuk buta. Malah, ada di antara barangan yang dirampas berupa *shincort* dan *lignocaine* yang memerlukan rawatan secara suntikan dan ianya perlu juga dilakukan oleh pengamal perubatan estetik di klinik rawatan. Dapatan yang dibuat oleh SP6 ini adalah konsisten dengan penemuan picagari beserta jarum yang terdapat kesan darah padanya di dalam premis Raisya Medispa bersama botol-botol mengandungi *lignocaine* dan *shincort* yang telah digunakan. Ini menunjukkan ada rawatan perubatan estetik telah dijalankan dalam premis tersebut sebelum kedatangan pihak serbuan. Kewujudan mesin dan peralatan perubatan tersebut juga telah menunjukkan premis itu dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar bagi rawatan-rawatan yang menggunakan mesin dan peralatan amalan perubatan estetik tersebut.

[25] Selain daripada barang-barang kes tersebut, diperhatikan juga terdapat sepanduk iklan ditemui di pintu masuk serta tangga menuju ke premis Raisya Medispa yang menyatakan bahawa Raisya Medispa ada menyediakan rawatan estetik termasuk laser, penggelupasan (*peeling*), *facelift* dan sebagainya (rujuk ms 6–7 rekod rayuan Jld 3(a)). Perayu tidak pernah menafikan kandungan iklan tersebut. Iklan tersebut adalah konsisten dengan penemuan mesin laser dan peralatan lain yang dirampas dari dalam premis Raisya Medispa yang jelas menunjukkan kepada saya bahawa adanya penyediaan klinik perubatan swasta dalam premis tersebut. Menurut keterangan saksi pakar SP6, perubatan estetik melibatkan kaedah rawatan tertentu yang termasuk rawatan pada bahagian

atas kulit sehingga dalam bahagian ketiga kulit dan di antara rawatan yang berkaitan adalah secara penggelupasan (*peeling*), *facelift*, suntikan, laser dan juga pembedahan. Oleh itu, perubatan estetik hanya boleh dijalankan oleh pengamal perubatan yang berdaftar. Mesin dan peralatan yang dirampas dan dirujuk kepada SP6 pula disahkan sebagai mesin dan peralatan bagi rawatan estetik. Kepakaran SP6 tidak pernah dicabar dan oleh itu saya perlu menerima keterangannya itu. Prinsip undang-undang mengenai keterangan saksi pakar adalah mantap. Kecuali terdapat keterangan pakar yang membuktikan sebaliknya, atau keterangan pakar tidak munasabah langsung, keterangan pakar yang tidak dicabar oleh keterangan lain secara amnya hendaklah diterima oleh mahkamah. Dalam kes *Chu Tak Fai v Public Prosecutor* [2007] 1 MLJ 201; [2006] 4 CLJ 931, Mahkamah Persekutuan di ms 214 memutuskan seperti berikut:

> [20] On the sufficiency of the evidence of the chemist, we wish to reiterate that the court is entitled to accept the evidence of the chemist on its face value without the necessity for him to go into details of what he did in the laboratory step by step unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true or the defence calls evidence in rebuttal by another expert (see *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, *Public Prosecutor v Lam San* [1991] 3 MLJ 426; [1991] 1 CLJ Rep 391; [1991] 3 CLJ 2410 and *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 265; [1994] 2 CLJ 151).

[26] Dapatan SP6 berhubung kaedah rawatan estetik itu konsisten dengan mesin dan peralatan yang dirampas dari dalam premis Raisya Medispa. Malah, konsisten juga dengan apa yang dipaparkan dalam sepanduk iklan berkenaan khidmat rawatan yang ada diberikan oleh Raisya Medispa.

[27] Dengan adanya rampasan mesin dan peralatan perubatan termasuk beberapa peralatan dan ubatan yang mempunyai kesan telah digunakan dari dalam premis tersebut dan disokong dengan wujudnya sepanduk iklan yang menyatakan bahawa Raisya Medispa ada memberikan rawatan-rawatan yang berkaitan dengan penggunaan mesin dan peralatan tersebut, maka saya berpendapat bahawa elemen pertama telah berjaya dibuktikan terhadap perayu. Walaupun tiada pesakit yang dilihat berada dalam premis tersebut semasa serbuan dan tiada rekod pesakit diperolehi atau dikemukakan untuk menunjukkan premis tersebut digunakan sebagai klinik perubatan, namun kewujudan mesin dan peralatan termasuk ubatan dan peralatan yang telah digunakan dalam premis tersebut, beserta sepanduk iklan yang dipaparkan itu jelas menunjukkan premis tersebut menyediakan klinik perubatan swasta sebagaimana ditakrifkan dalam Akta 586.

[28] Seterusnya bagi elemen kedua, diperhatikan keterangan oleh SP7 mengesahkan bahawa pemilik tunggal kepada syarikat Raisya Medispa adalah

perayu sebagaimana carian SSM di ekshibit P28 (rujuk ms 71 rekod rayuan Jld 3(a)). Perayu pula telah disahkan bukan seorang pengamal perubatan yang berdaftar di Malaysia sebagaimana dinyatakan dalam surat pengesahan oleh Majlis Perubatan Malaysia (P30). Oleh itu, perayu tidak layak dan tidak boleh menjalankan rawatan perubatan estetik atau menggunakan mesin dan peralatan yang dirampas dari premis Raisya Medispa tersebut.

[29] Selain itu, surat daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (P29) mengesahkan bahawa premis Raisya Medispa yang beralamat di Lot PT 18092 (1st floor), Jalan Besar Sura Gate, Kompleks Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu, tidak pernah mempunyai perakuan pendaftaran, perakuan kelulusan atau lesen dengan pihak kementerian di bawah Akta 589. Oleh itu, premis tersebut bukan suatu klinik perubatan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Apatah lagi, Raisya Medispa hanya didaftarkan dalam SSM menjalankan perniagaan medispa dan bukannya sebuah klinik perubatan.

[30] Sehubungan pemerhatian saya di atas dan mengambil kira pertimbangan secara maksima atas keseluruhan keterangan serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan, saya bersependapat dengan HMS bahawa kesemua elemen dalam pertuduhan telah berjaya dibuktikan ke atas perayu. Oleh yang demikian, tidak ada sebab untuk mahkamah ini mengganggu dapatan yang telah dibuat oleh HMS terhadap isu pertama yang telah dibangkitkan oleh perayu tersebut.

SAMA ADA PEMBELAAN BERJAYA MENIMBULKAN KERAGUAN YANG MUNASABAH KE ATAS KES PENDAKWAAN

[31] Pihak perayu dalam penghujahannya di mahkamah menegaskan bahawa keterangan pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Keterangan perayu menafikan pengetahuannya berkenaan fungsi mesin dan peralatan yang dirampas. Malah, perayu menafikan bahawa Raisya Medispa ada menjalankan amalan rawatan estetik kepada pelanggannya. Rawatan yang diberikan oleh Raisya Medispa hanyalah melibatkan perkhidmatan mencuci muka sahaja. Seterusnya perayu mengatakan bahawa mesin dan peralatan tersebut adalah milik Klinik Raihana yang terletak di bawah premis Raisya Medispa dan fakta itu telah disokong oleh keterangan SD2 yang mengesahkan perkara tersebut. SD2 adalah pengamal perubatan yang berdaftar dan beliaulah yang telah membeli dan menggunakan mesin dan peralatan tersebut untuk kegunaan klinik Raihana.

[32] Walau bagaimanapun, diperhatikan tiada penjelasan yang munasabah dapat diberikan oleh perayu tentang bagaimana botol-botol ubat mengandungi *lignocaine* dan *shincort* yang terdapat kesan telah digunakan

boleh berada dalam premis Raisya Medispa. Sebagaimana penerangan yang diberikan oleh SP6, ubatan tersebut digunakan secara suntikan ke dalam kulit atau badan. Bersama-sama botol-botol itu turut ditemui picagari dan jarum suntikan yang masih mempunyai kesan darah. Tiada penjelasan yang munasabah dapat diberikan oleh perayu berkenaan perkara ini. Alasan yang diberikan hanya mengatakan jarum itu telah digunakan untuk mencungkil jerawat pelanggan namun perkara ini tidak pernah dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwaan. Kegagalan pihak peguambela perayu mencadangkan atau menyoal balas saksi pendakwaan terutamanya SP1, SP6 dan SP7 atas perkara yang penting dan 'crucial' tersebut akan terjumlah kepada penerimaan testimoni saksi tersebut (rujuk kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138).

[33] Sehubungan dengan itu, saya berpendapat pembelaan yang dikemukakan oleh perayu hanya berbentuk penafian semata-mata dan difikirkan kemudian. Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa penafian kosong bukan merupakan suatu pembelaan. Dalam kes *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [54] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. *It is trite law that the defence of bare denial is no defence.* What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake.
>
> [55] The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges. Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Majesty then was) in *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195; [1980] 1 LNS 12, *had this to say in regard to the defence of simple denial:*
>
> > The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution's case against the appellant.

[34] Pembelaan yang difikirkan terkemudian juga adalah suatu pembelaan yang tidak baik dan harus ditolak oleh mahkamah (rujuk kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154).

[35] Selain itu, saya mendapati keterangan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dan SD2 bercanggah antara satu sama lain melibatkan perkara-perkara yang penting dan *crucial*. Antaranya perayu di ms 43 rekod rayuan Jld 2(a) menyatakan bahawa sekiranya pelanggan yang datang ke Raisya Medispa meminta dijalankan rawatan sebagaimana dinyatakan dalam sepanduk iklan di gambar P1(6), SD2 yang akan melakukan rawatan tersebut

kerana SD2 yang mengambil kursus bahagian kecantikan. Namun, SD2 di ms 50 rekod rayuan Jld 2(a) pula menafikan perkara tersebut dengan menyatakan bahawa beliau tidak menjalankan rawatan di Raisya Medispa. Malah, SD2 tidak bersetuju bahawa pekerja Raisya Medispa hanya menjalankan rawatan cuci muka sahaja manakala rawatan lain yang dinyatakan dalam iklan adalah dijalankan oleh beliau. Menurut SD2, kesemua rawatan yang ditawarkan dalam sepanduk iklan itu adalah rawatan kecantikan yang ditawarkan di Raisya Medispa dan tidak berkaitan dengan Klinik Raihana. SD2 turut menafikan Klinik Raihana ada menjalankan rawatan estetik sebagaimana dinyatakan dalam sepanduk iklan Raisya Medispa tersebut.

[36] Selain itu, perbezaan turut dilihat apabila perayu menyatakan bahawa SD2 adalah Pengarah dalam Raisya Medispa. Namun, SD2 menafikan dirinya ada kaitan dengan Raisya. Menurut SD2, beliau bukan pengurus atau pemilik Raisya Medispa. Malah, keterangan perayu itu juga bercanggah dengan rekod perniagaan SSM yang jelas menyatakan syarikat Raisya Medispa itu adalah milikan tunggal yang didaftarkan hanya atas nama perayu seorang sebagai pemiliknya.

[37] Seterusnya, saya telah meneliti dan memperhalusi keterangan yang telah diberikan oleh SD2 dan setelah meneliti serta menghadam sedalam-dalamnya keterangan SD2, saya mendapati bahawa SD2 bukanlah saksi yang kredibel. Mahkamah mendapati selain SD2 memberikan keterangan yang bercanggah dengan keterangan perayu, SD2 juga dilihat telah memberi keterangan yang berbolak balik dan berubah-ubah. Semasa pemeriksaan utama, SD2 mendakwa beliau dan suami bersama-sama membuka Raisya Medispa dan beliau yang tubuhkan Raisya Medispa. Seterusnya, SD2 juga mengatakan bahawa beliau telah merujuk kepada beberapa pihak dan hasil rujukan yang dibuatnya itu, beliau tidak menjalankan rawatan yang tidak dibenarkan di Raisya Medispa. Namun, semasa di pemeriksaan balas SD2 menafikan penglibatannya dengan Raisya Medispa. SD2 menafikan ada membuat apa-apa rawatan yang ditawarkan oleh Raisya Medispa sedangkan dalam masa yang sama, beliau menegaskan bahawa hanya beliau ada sijil kelayakan untuk mengamalkan perubatan estetik dan beliau mengatakan barang-barang yang dirampas dari premis Raisya Mediaspa adalah milik Klinik Raihana pula.

[38] Keterangan SD2 yang berbolak balik dan juga percanggahan keterangan antara SD2 dan perayu itu menunjukkan salah seorang daripada mereka atau kedua mereka tidak bercakap benar. Oleh itu, kredibiliti SD2 dan perayu telah terjejas yang memberi alasan kepada mahkamah ini untuk meragui keterangan SD2 dan perayu dan seterusnya menolak keterangan yang diberikan oleh mereka berdua. Lantaran itu, keterangan SD2 dan perayu adalah tidak boleh dipercayai oleh saya. Dalam kes *Mohamed bin Kasdi v Public*

Prosecutor [1969] 1 MLJ 135, mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> No hard and fast rule can be laid down for determining the credibility or otherwise of a witness, but when a witness gives or make two statements which differ in material particulars there must necessary be ground for believing that he is not a thruthful witness.

[39] Berdasarkan faktor yang saya nyatakan di atas dan nas yang dirujuk, saya mendapati Tuan HMS tidak tersalah arah apabila membuat keputusan menolak pembelaan perayu itu yang bersifat penafian semata-mata dan berupa difikirkan kemudian.

KESIMPULAN

[40] Sehubungan dengan dapatan-dapatan saya di atas, saya memutuskan rayuan perayu ke atas sabitan adalah tidak bermerit. Sabitan di bawah s 4(1) Akta 586 yang dikenakan ke atas perayu oleh HMS dikekalkan dan rayuan perayu ditolak.

RAYUAN KE ATAS HUKUMAN

[41] Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, perayu menegaskan bahawa hukuman denda sebanyak RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara penjara yang diberikan oleh HMS adalah terlalu berat sedangkan perayu tidak pernah mempunyai rekod sabitan lampau. Kejadian tersebut juga telah menyebabkan perayu hilang punca pendapatannya.

[42] Pihak pendakwaan pula menegaskan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah memadai dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu. Kes ini melibatkan kepentingan awam iaitu berkaitan dengan kesihatan orang yang mendapatkan rawatan di pusat kecantikan tersebut. Hukuman yang berat sahaja yang akan mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang serupa.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN

[43] Dalam memberi pertimbangan ke atas rayuan ini, prinsip undang-undang yang mantap berkaitan dengan rayuan ke atas hukuman adalah mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan hukuman yang telah dijatuhkan itu berlawanan dengan prinsip-prinsip hukuman atau berlawanan dengan undang-undang. Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, Raja Azlan Shah, Hakim Mahkamah Persekutuan telah berkata seperti berikut:

Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson* [1952] AC 525 at 549). It is for the reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentence; whilst others equally conscientious have thought in their duty to view the same crimes the leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judges. It is for the reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

[44] Nada yang sama telah diucapkan oleh YA Azahar Mohamed JCA (pada ketika itu) dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ramakrishnan a/l Subramaniam dan lain-lain* [2013] 2 MLJ 549; [2012] 9 CLJ 443 seperti berikut:

Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu. Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersalah didalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 dan kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457.

[45] Dalam kes *Public Prosecutor v Nguyen Thi Huong* [2014] MLJU 1917; [2015] 2 CLJ 102, mahkamah telah membuat keputusan seperti berikut:

Principle regarding appellate interference of sentence

The principles regarding appellate interference of sentences imposed have been set out in the case of Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3

AMR 3101 as follows:

> It is of utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256.

In the case of *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* referred to above it was held as follows:

> The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. The high court sitting in the exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter sentence merely because it might have passed a different sentence.

[46] Sehubungan dengan nas-nas yang dibentangkan di atas, saya telah meneliti jumlah hukuman denda yang telah dikenakan ke atas perayu oleh HMS. Pada hemat saya, hukuman denda RM100,000 yang diberikan itu adalah tidak keterlaluan beratnya dan masih dalam ruang lingkup hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan. Seksyen 5(1)(a)(i) Akta 586 memperuntukkan hukuman denda sehingga RM300,000 atau penjara sehingga tempoh selama enam tahun atau kedua-duanya sekali. Malah, hukuman tersebut juga tidak terlalu ringan mengambil kira kepentingan awam yang perlu diutamakan dalam menentukan sesuatu hukuman terhadap pesalah (rujuk kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102).

[47] Selain itu, saya juga mengambil kira bahawa sabitan ke atas perayu telah melalui satu perbicaraan penuh yang mana keseluruhan prosiding memakan masa yang agak lama iaitu melebihi 1 1/2 tahun. Justeru itu, perayu tidak layak untuk menikmati diskaun yang dibenarkan oleh undang-undang jika perayu mengaku bersalah.

[48] Seterusnya, saya bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh HMS berdasarkan keterangan SD3 bahawa penggunaan ubat-ubatan seperti *lignocaine* dan *shincort* secara suntikan oleh bukan pengamal perubatan berdaftar secara tidak terkawal sebagaimana yang berlaku di premis perayu boleh membahayakan pesakit yang menerima rawatan. Malah, menurut SP6, penggunaan ubatan tersebut kepada pesakit yang ada *allergi* dan mendapat *adversed reaction* boleh menyebabkan pesakit tersebut maut. Oleh yang

demikian, suatu hukuman berbentuk pengajaran wajar dikenakan kepada perayu bagi memberi peringatan kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang serupa dan juga supaya perayu tidak akan mengulangi lagi kesalahan tersebut di masa hadapan.

[49] Oleh yang demikian, saya tidak berhasrat untuk mengubah hukuman yang telah diperintahkan oleh HMS tersebut sepertimana prinsip undang-undang yang telah diputuskan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457 di mana Mahkamah Persekutuan di ms 228 (MLJ); ms 494 (CLJ) telah memutuskan seperti berikut:

> It is of the utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence.

[50] Rujukan juga dibuat ke atas kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor*, *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102, *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 LNS 28, *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 dan *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164.

KESIMPULAN

[51] Bersandarkan kepada nas-nas yang dibentangkan di atas, saya berpendapat tidak ada sebab untuk saya mengganggu atau mengubah hukuman denda sebanyak RM100,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara yang dijatuhkan oleh HMS ke atas perayu. Sehubungan dengan itu, rayuan perayu ke atas hukuman juga ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh